

**TEKS UCAPAN
YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH
ABDULLAH
PRESIDEN ANGKASA**

**MAJLIS PERASMIAN
MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN ANGKASA
(MAPA) KE-38**

**22 JUN 2023 (SABTU)
9.00 PAGI
AUDITORIUM, WISMA UNGKU A. AZIZ, KELANA
JAYA**

**TEMA:
"MEMPERKASA KOPERASI DOMESTIK,
MEMPERKEMAS DAN MEMPERLUAS PERANAN
ANGKASA DI PERINGKAT ANTARABANGSA**

Bismillahirrahmannirrahim
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh
Salam Malaysia Madani dan Salam Koperasi,

(PROTOKOL SAPAAN)

1. Alhamdulillah, setinggi kesyukuran dirafakkan kehadiran ALLAH S.W.T kerana atas izin dan limpah kurniaNya, kita semua dapat berkumpul pada hari ini bagi melaksanakan tanggungjawab sebagai ahli ANGKASA, melihat kepada pencapaian semasa, dan perancangan masa hadapan yang akan menentukan keberdayaan gerakan koperasi melalui Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA (MAPA) ke 38 pada hari ini.
2. Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih diucapkan kepada para perwakilan, kerana komited bersama dengan kami dalam mesyuarat ini. Dedikasi dan sokongan anda semua menjadi pendorong utama kepada kejayaan kita semua dalam mengharungi pelbagai cabaran dan rintangan, serta memastikan visi dan misi ANGKASA dapat direalisasikan demi manfaat dan kesejahteraan sosiekonomi anggota koperasi di negara ini.
3. Di kesempatan ini, marilah kita zahirkan penghargaan terima kasih kepada kepada YB Datuk Ewon Benedick Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi

(KUSKOP) yang sentiasa memberikan perhatian kepada pembangunan gerakan koperasi. Dedikasi beliau dalam menyokong dan memacu inisiatif yang memperkukuhkan sektor koperasi sangat dihargai. Keprihatinan beliau telah membawa kepada pelbagai perubahan positif yang memberi manfaat kepada koperasi di seluruh negara.

4. ANGKASA akan memberikan komitmen yang tinggi untuk bekerjasama dengan Kementerian dan kerajaan melaksanakan dasar yang menyokong pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan rakyat melalui platform koperasi. Melalui kolaborasi yang erat ini, kita dapat memastikan bahawa setiap inisiatif yang dijalankan mencapai sasarannya dan memberikan manfaat yang maksimum kepada rakyat di negara ini. Usai sahaja aluan ini kita akan menyaksikan satu video ucapan daripada beliau bagi merasmikan MAPA pada hari ni.

Para Perwakilan yang saya hormati sekalian

Transformasi ANGKASA untuk melibatkan koperasi dalam sektor perniagaan berimpak tinggi di peringkat domestik

5. Tahun ini, genap 53 tahun ANGKASA menjalankan tanggungjawabnya dengan membawa perubahan demi perubahan dalam gerakan koperasi supaya selari matlamatnya dengan situasi ekonomi dan keperluan rakyat semasa. Dari membantu petani, koperasi kini bergerak dalam sektor – sektor perniagaan berimpak tinggi sejajar dengan persekitaran ekonomi yang semakin dinamik.

6. Mengikut Undang Undang Kecil ANGKASA 10(1), Peranan yang telah digariskan adalah:
 - i. Menyatukan semua koperasi dalam Malaysia;
 - ii. Mewakili gerakan koperasi Malaysia di peringkat kebangsaan dan antarabangsa;
 - iii. Memperjuang, mengawasi dan menjaga kepentingan dan pembangunan koperasi ahli khususnya dan gerakan koperasi amnya; dan
 - iv. Memudahkan operasi koperasi ahli.

7. Dalam memastikan gerakan koperasi terus terlibat dalam sektor yang berdaya maju, ANGKASA telah memperkenalkan pelbagai inisiatif yang inovatif dan relevan dengan keadaan pasaran semasa. Inisiatif ini dibangunkan selari dengan Pelan dan Dasar

yang dibangunkan oleh kerajaan seperti Dasar Koperasi Malaysia (DaKoM) 2023, Pelan Tindakan Digitalisasi Koperasi (DigiKOP) 2030, dan Dasar Keusahawan Nasional 2030 (DKM2030).

8. ANGKASA membuat penyusunan semula dasar dan pelan tindakan untuk diintegrasikan khususnya kepada Pelan Strategik ANGKASA 2050 (PESAN50) yang pada masa ini berada dalam fasa jangkamasa sederhana 2021 – 2030 dan akan diteruskan untuk fasa seterusnya iaitu 2031-2050.
9. Untuk memperkukuh operasi, struktur pentadbiran telah dirombak dan dipecahkan kepada lima (5) Jawatankuasa Kumpulan tumpuan utama, masing-masing dengan peranan khusus. Langkah ini diambil untuk memastikan setiap aspek operasi diberi perhatian yang lebih terperinci dan dikelola dengan lebih efisien.
10. Setiap Kumpulan diterajui oleh seorang Pengerusi dan dibantu Timbalan Pengerusi yang terdiri daripada Anggota Lembaga ANGKASA. Jawatankuasa Kumpulan tersebut adalah Kumpulan Tadbir Urus dan

Pentadbiran, Kumpulan Perhubungan Strategik, Kumpulan Pembangunan Koperasi, Kumpulan Perniagaan Koperasi dan Kumpulan Kewangan Korporat

11. Melalui penyusunan ini, ANGKASA akan memastikan bahawa setiap langkah yang diambil bukan sahaja relevan dengan keperluan semasa, tetapi juga mampu menjangkau keperluan masa hadapan gerakan koperasi secara keseluruhan. Hasratnya kita mahu koperasi memberi impak yang signifikan kepada pembangunan negara dan mampu untuk menyumbang kepada hasrat kerajaan menjadikan **Malaysia Negara Keusahawan menjelang 2030**.
12. Program transformasi giat dijalankan dengan melibatkan Jawatankuasa ANGKASA di peringkat negeri. Justeru bagi membantu koperasi untuk turut terlibat dalam sektor perniagaan berdaya maju **Jawatankuasa Perhubungan ANGKASA di peringkat negeri** diberi peranan untuk membangunkan perniagaan dan projek di negeri masing-masing. Perniagaan ini dijalankan melalui kerjasama dengan kerajaan negeri, kementerian, agensi dan mana – mana

syarikat swasta yang mempunyai kepakaran dalam industri masing – masing.

13. Melalui proses eksplorasi dan inkubasi, ANGKASA berhasrat untuk mengurangkan kemungkinan kerugian kepada koperasi, di mana projek yang mempunyai potensi untuk berjaya akan ditawarkan kepada koperasi samada dijalankan bersama ANGKASA atau diserahkan secara terus. Langkah ini membolehkan ANGKASA untuk memperkukuhkan kestabilan kewangan koperasi dan memastikan kesinambungan pertumbuhan koperasi secara berkesan.
14. Adalah penting bagi kita, gerakan koperasi untuk bergerak menjadi pemain utama dalam industri utama negara. Biarpun terdapat persaingan yang hebat dari pemain industri, ANGKASA yakin koperasi mampu untuk turut memberi sumbangan signifikan kerana sokongan anggotanya. Dengan terlibat secara proaktif dalam industri utama negara, koperasi dapat memainkan peranan yang lebih besar dalam merencanakan pertumbuhan ekonomi serta memberi manfaat yang lebih besar kepada masyarakat di Malaysia.

15. ANGKASA sememangnya komited dalam hal ini. Kerjasama strategik antara koperasi berjaya, agensi, syarikat atau mereka yang mempunyai pengalaman luas dalam sesuatu projek diteruskan bagi meningkatkan keberhasilan gerakan ini.
16. Hasilnya Mengikut statistik terkini yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) sehingga 31 Disember 2023, terdapat 15,809 buah koperasi berdaftar dengan keanggotaan seramai 7.22 juta individu, Jumlah syer / yuran sebanyak RM17.4 bilion, aset sebanyak RM165.8 bilion dan perolehan adalah sebanyak RM64.6 Bilion.
17. Jika para perwakilan masih ingat, harapan kerajaan kepada gerakan ini adalah supaya menyumbang sebanyak RM60 bilion pada 2025 dan RM73 bilion pada 2030. Jelas kita telah melepasi sasaran RM60 Bilion dua tahun lebih awal dan ini menunjukkan ANGKASA telah menyediakan lorongan yang tepat untuk koperasi bergerak.
18. Ingin juga saya tumpukan perhatian kepada prestasi anak syarikat ANGKASA dalam usaha kita menyediakan peluang perniagaan kepada gerakan koperasi. Pada tahun 2021,

MyANGKASA Holdings Sdn. Bhd. mencatat perolehan sebanyak RM2.7 juta manakala pada tahun 2022, meningkat kepada RM6.1 juta. Alhamdulillah, pada tahun 2023, Kumpulan MyANGKASA Holdings Sdn Bhd telah mencatatkan peningkatan perolehan sebanyak RM19 juta iaitu daripada RM20juta ke RM39juta dan menjadikan untung rugi kumpulan MyANGKASA sebanyak RM13 juta.

19. Prestasi terbaik ditunjukkan oleh MyANGKASA Amanah Berhad yang amat membanggakan dan meningkat dari tahun ke tahun. Setakat **Disember 2023**, MAAB telah mendaftarkan hampir **386,854 kes wasiat**, jumlah pusaka yang diuruskan pula adalah **sebanyak 1,002 fail**, manakala bagi akaun amanah yang mana MAAB bertindak sebagai pemegang amanah adalah bernilai **sebanyak RM250 juta**.

20. Sudah tentu kejayaan ini bukanlah kejayaan untuk ANGKASA sahaja, malah ANGKASA telah mula buka peluang untuk koperasi turut serta melalui program Rakan Niaga Koperasi supaya koperasi boleh bertindak sebagai agen jualan. Inilah salah satu cara di mana ANGKASA membuka ruang dan peluang

supaya koperasi boleh meluaskan lagi aktiviti perniagaannya.

21. Bagi merancakkan lagi sektor perniagaan dalam industri baharu, MyANGKASA Travel & Tours Sdn Bhd dalam proses penubuhan sebagai salah satu anak syarikat MyANGKASA Holdings Sdn Bhd. Syarikat ini ditubuhkan bertujuan untuk menjalankan operasi perniagaan fokus kepada perkhidmatan pelancongan, pengendalian pelancongan dalam dan luar negeri khususnya bagi menguruskan operasi umrah bagi Projek COOPUmrah ANGKASA.
22. Anak syarikat ini juga diwujudkan bagi memenuhi keperluan perlesenan dibawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya bagi membolehkan ANGKASA memberikan perkhidmatan berasaskan pelancongan kepada pelanggan menerusi koperasi ahli ANGKASA. Dengan wujudkan anak syarikat ini, perkhidmatan yang diberikan akan menyokong dan melengkapi perniagaan koperasi yang terlibat dalam perkhidmatan pelancongan dibawah jaringan ANGKASA.

Para Perwakilan yang saya hormati sekalian

Perkembangan digitalisasi ANGKASA dan gerakan koperasi

23. Perkembangan digitalisasi diambil perhatian serius oleh ANGKASA kerana kita tidak mahu koperasi ketinggalan dalam arus dunia digital yang bergerak dengan amat pantas. Teknologi digital menyumbang kepada 24.4 peratus kepada KDNK pada 2023 dan dijangka meningkat kepada 25.5 peratus pada 2025. Tindakan proaktif diambil oleh ANGKASA dengan memberi input dalam Pelan Tindakan Digitalisasi Koperasi (DigiKoP) 2030 yang dibangunkan secara bersama dengan SKM, IKMa dan juga KUSKOP.
24. DigiKoP dibangunkan dengan objektif yang komprehensif ke arah mewujudkan persekitaran penggunaan teknologi maklumat yang terancang dengan matlamat membudaya dan memanfaatkan digitalisasi dalam pembangunan ekonomi koperasi.
25. ANGKASA berharap melalui DigiKOP produk dan perkhidmatan baharu berasaskan digitalisasi dapat dibangunkan oleh koperasi. ANGKASA menyasarkan 100 peratus koperasi bersaiz besar dan sederhana

manakala 50 peratus koperasi bersaiz kecil dan mikro mengaplikasikan teknologi dalam pengurusan dan perniagaan menjelang 2025.

26. Di peringkat ANGKASA pendigitalan merupakan pengamalan yang telah lama dipraktikkan melalui pelbagai inisiatif seperti Sistem Potongan Gaji ANGKASA (SPGA), pembangunan portal MyAzzahra, Sistem Pengundian Atas Talian, Sistem Pengurusan Berkomputer ANGKASA (SPBA) dan pembangunan MyIscO Mcash Wallet.
27. ANGKASA juga giat menggunakan kemudahan dalam talian yang tersedia dengan membangunkan media sosial rasmi seperti laman web rasmi, Facebook, Youtube, Twitter dan TikTok bagi menyebarkan maklumat pembangunan koperasi untuk disampaikan dengan segera kepada pemegang taruh dan juga warga koperasi.
28. Saya yakin semua di sini ada peranti bimbit. Jika ada saya jemput untuk muat turun aplikasi ePELANCAR. Jika anda guna peranti *android* muat turun melalui *Playstore* dan jika menggunakan peranti *Apple* muat turun di

Appstore. Semua maklumat terkini termasuk PELANCAR Keluaran Khas MAPA dan aktiviti dijalankan oleh ANGKASA boleh diakses di peranti anda sahaja.

29. **Projek BA100** pula satu lagi inisiatif pendigitalan koperasi khususnya dalam aktiviti peruncitan menggunakan sistem dalam talian dengan menghubungkan pengguna, koperasi dan pembekal.
30. Saya juga ingin tarik perhatian semua mengenai Projek BA100 ini. Ianya juga adalah salah satu usaha ANGKASA untuk **mewujudkan satu ekosistem pembekalan**, di mana koperasi yang ada produk, boleh jadi pembekal, koperasi yang ada kemudahan logistik, boleh jadi rakan logistik, yang ada gudang juga boleh jadikan sebagai Distribution Center (DC). Ini adalah inisiatif yang perlu kita jadikan kenyataan kerana jika kita berjaya **wujudkan ekosistem pembekalan yang dipelopori oleh koperasi**, tidak mustahil kita semua mampu memberi saingan dengan perusahaan gergasi di luar sana.
31. Sasaran ANGKASA melalui BA100 untuk memberi perkhidmatan kepada tiga (3) juta pelanggan melalui **3,000 outlet** dengan

setiap pelanggan disasarkan untuk berbelanja sebanyak **RM200 setiap bulan**. Ini bermakna, jumlah perbelanjaan di kesemua outlet adalah sebanyak **RM7.2 bilion setahun**.

32. Ini adalah antara langkah yang diambil oleh ANGKASA bagi memastikan perniagaan koperasi memberi impak yang signifikan kepada pembangunan negara. Usaha promosi dan pemasaran yang dijalankan oleh ANGKASA melalui pelbagai platform telah berjaya meningkatkan kesedaran dan minat masyarakat terhadap produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh koperasi.
33. Ini tidak hanya membantu dalam menambah bilangan pelanggan tetapi juga memperkukuhkan jenama koperasi di pasaran. Selain itu, program pembangunan kapasiti dan latihan yang disediakan telah mempertingkatkan kemahiran pengurusan serta keusahawanan dalam kalangan anggota koperasi, membolehkan mereka menguruskan perniagaan dengan lebih cekap dan berdaya saing.

Para Perwakilan yang saya hormati sekalian

34. Sebagai institusi yang menyumbang kepada kesejahteraan anggotanya yakni rakyat Malaysia, ANGKASA sebagai badan puncak bersama gerakan koperasi sentiasa menyokong apa juga inisiatif yang dilakukan oleh *Government of the Day* khususnya dalam isu kos sara hidup.
35. 14 projek dijalankan di bawah Projek Eksplorasi dan 5 projek dijalankan di bawah Projek Inkubasi pada ketika ini. ANGKASA mempunyai sasaran untuk mewujudkan ekosistem perniagaan yang dikuasai oleh koperasi di mana hasilnya kita mampu mengawal harga barangan di pasaran dan memberi alternatif lebih baik kepada pengguna.
36. Melalui inisiatif jaringan COOPHardware, ANGKASA menjadi pemudahcara bagi perancangan projek hartanah koperasi. Antara program yang diberi fokus pada tahun ini, pembangunan hartanah atas tanah milik koperasi, program memperkasa kontraktor koperasi dan pemeriksaan perniagaan bekalan bahan binaan (mentor mentee). Sehingga 2013 terdapat 40 buah koperasi yang telah menyertai Jaringan COOPHardware.

37. Di bawah Sektor Pelancongan, Penjagaan Diri dan Kesihatan, ANGKASA telah berjaya menganjurkan lima (5) sesi COOPUmrah sehingga kini. Seperti yang telah saya nyatakan sebelum ini, COOPUmrah dijalankan untuk memberi peluang koperasi turut terlibat dalam peluang pengurusan umrah dan haji. Selain itu jaringan Coophotel, Coopstay, Coopspa, Cooplodge dan Coopfarmasi turut diberi perhatian yang mana jumlah perolehan jaringan ini pada tahun 2023 adalah sebanyak RM36 juta.
38. ANGKASA juga turut melihat kepada peluang untuk menawarkan penyelesaian kepada kerajaan dalam pelbagai perkara termasuk isu keterjaminan makanan. Projek Rintis Ternakan Ayam sedang berjalan dengan kerjasama sebuah koperasi di Pahang dengan kapasiti sebanyak 32000 ekor. Ayam yang sudah diproses akan ditawarkan melalui kedai BA100 dan juga 15 outlet di Lembah Klang.
39. Projek Lembu Tenusu Haifers Park masih berjalan dengan kapasiti sebanyak 54 ekor lembu buat masa ini. Semenjak bermulanya inisiatif ini, sebanyak 126,271.63 liter susu telah

berjaya dihasilkan. ANGKASA juga sedang dalam proses membangunkan projek ternakan lembu pedaging yang akan melibatkan ANGKASA Kedah dan Perlis dan dijangka akan melibatkan empat (4) buah koperasi untuk waktu permulaan.

40. ANGKASA turut menjalankan inisiatif bersama Lembaga Getah Malaysia di bawah Program Transformasi Perusahaan Getah Negara (TARGET) bagi memperkenalkan hasil getah krip premium kepada pengusaha getah dan pekebun kecil getah termasuk dari kalangan koperasi bagi meningkatkan kualiti hasil getah. Inisiatif ini juga selari dengan Dasar Agrokomoditi Negara (DAKN2030) yang akan meliputi lima teras dasar yang telah digariskan oleh pihak kerajaan dan serta memberi tambah nilai yang signifikan kepada gerakan koperasi negara.
41. Pembangunan produk koperasi melalui inisiatif 100 Champion terus diperkasa dari tahun ke tahun. Pelbagai produk koperasi yang telah ANGKASA bantu bangunkan di mana ada antaranya telahpun masuk ke pasaran tempatan seperti Giant, AEON, Jaya Grocer, ISETAN, SOGO dan BHP Petromart.

42. Bermula 2016 sehingga 2022 sebanyak 232 SKU dari 75 buah koperasi telah dieksport ke luar negara. Antara negara tersebut adalah Thailand, Kemboja, Filipina, Singapura, Indonesia dan Brunei. ANGKASA sedang dalam usaha untuk meluaskan pasaran ke rantau Asia Pasifik.
43. Pembangunan modal insan sebagai tunjang kejayaan masa depan koperasi sekian lama menjadi fokus ANGKASA. Suka untuk saya kongsi kerana sehingga kini 27 buah koperasi sekolah telah mencapai perolehan RM1 juta manakala Koperasi Kolej Vokasional Tanah Merah Berhad berjaya mencapai perolehan RM2 juta. Ini merupakan satu bukti di mana model koperasi menawarkan model terbaik kepada perniagaan kerana pelajar yang pasarannya walaupun agak terhad mampu untuk mencapai kejayaan seperti ini.
44. Koperasi Pembiayaan Syariah ANGKASA (KOPSYA) kekal komited menyediakan perkhidmatan kewangan Islam ke arah mempelbagaikan pendanaan sumber modal perniagaan gerakan koperasi. Sehingga April 2024, keanggotaan KOPSYA adalah sebanyak 1,627 buah koperasi dengan jumlah pegangan syer terkumpul sebanyak

RM63,123,222.46. Bagi prestasi kewangan, pada keseluruhannya untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023, KOPSYA telah mencatatkan keuntungan bersih kumpulan sebanyak RM5,419,107.

45. Untuk memastikan pendanaan KOPSYA kepada koperasi terutamanya koperasi kredit dapat dibuat secara berterusan, KOPSYA telah membuat keputusan untuk menerbitkan sukuk berjumlah RM2.0 billion. Untuk Tranche Pertama, sebanyak RM100 Juta sukuk yang dijangka akan diterbitkan pada tahun 2024.
46. Penerbitan sukuk bukan sesuatu perkara yang mudah disebabkan ianya tidak pernah berlaku dalam sejarah koperasi di Malaysia. Malahan KOPSYA telah membuat pembentangan kepada SKM pada 22 Ogos 2023 dan 3 Januari 2024 dan pembentangan kepada Menteri Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi (KUSKOP) Ybhg Datuk Ewon Benedict pada 21 November 2023 untuk menerangkan mengenai penerbitan sukuk yang akan dijalankan. KOPSYA akan menjadi koperasi pertama yang menerbitkan sukuk dan akan bekerjasama dengan koperasi kredit

Para perwakilan yang saya hormati sekalian,

Hubungan dengan kerajaan dan pengiktirafan kepada ANGKASA

47. Hubungan ANGKASA dengan pihak kerajaan khususnya KUSKOP membolehkan ANGKASA memperjuangkan kepentingan dan keperluan institusi koperasi dalam mempengaruhi keputusan dasar dan memastikan bahawa perspektif koperasi dipertimbangkan dalam perundangan dan peraturan yang berkaitan.
48. Pihak kerajaan harus memainkan peranan dalam menggubal dasar dan melaksanakan program yang memberi kesan secara terus kepada sektor koperasi. Melalui hubungan baik ini ANGKASA boleh mengambil bahagian secara aktif dalam perbincangan dasar, memberikan input dan menyumbang kepada pembangunan ekosistem dan pasaran yang lebih mesra koperasi.
49. Secara dasarnya, ANGKASA menyambut baik apa juga dasar dan pelan tindakan yang dibawa oleh kerajaan selagi mana ianya bergerak ke arah memajukan lagi

gerakan koperasi ke satu tahap yang lebih berdaya maju.

50. Oleh sebab itu, kerjasama ANGKASA tidak tertakluk hanya kepada Kementerian dan agensi yang bertanggungjawab kepada koperasi, malah ia diperluas ke Kementerian lain supaya manfaat menyeluruh dapat dinikmati oleh gerakan ini.
51. Pernah satu ketika **ANGKASA** diberi **peruntukan secara terus oleh kerajaan sebanyak RM3 Juta bagi melaksanakan program pembangunan gerakan koperasi.** Sumbangan ini bukan sahaja membolehkan ANGKASA melaksanakan pelbagai program yang meningkatkan kapasiti dan daya saing koperasi tetapi juga memperkukuh peranan mereka dalam landskap ekonomi negara. Ini juga bukti sokongan kerajaan terhadap kepimpinan ANGKASA sebagai badan puncak yang memayungi gerakan koperasi di negara ini.
52. Dalam menangani isu dan cabaran kos sara hidup rakyat, kerajaan turut memberi perhatian kepada projek yang dijalankan ANGKASA dalam segmen berkaitan. Projek BA100 misalnya telah diangkat sebagai salah

satu agenda kerajaan bagi mengurangkan perbelanjaan isi rumah melalui pembelian barangan asas dengan harga patut.

53. Dalam hal berkaitan, Kementerian Perladangan dan Komoditi (KPK) telah memberi kepercayaan kepada ANGKASA untuk membantu kerajaan dalam usaha meningkatkan hasil pengeluaran sawit negara yang menunjukkan aliran menurun melalui usaha penanaman semula sawit. YB Datuk Seri Johari Abdul Ghani telah mencadangkan supaya ANGKASA menyatukan 4000 pekebun kecil dalam kalangan koperasi untuk mewujudkan satu kluster atau ladang berskala besar berkeluasan sekitar 8,000 hektar menambah kapasiti pengeluaran minyak sawit mentah (MSM). Perkara ini sedang kita teliti dan laksanakan dalam usaha membantu pekebun kecil meningkatkan pengeluaran mereka di samping membantu kerajaan dalam hal ini.
54. Kerjasama ANGKASA dan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) dalam industri ternakan ayam pula selaras dengan saranan Majlis Tindakan Ekonomi (EAC) yang mahu kerjasama awam dan swasta

diperkukuh bagi meningkatkan hasil pertanian.

55. **ANGKASA** juga telah mendapat lantikan amil daripada Majlis Agama Negeri dan Pusat Pungutan Zakat bagi memudahkan pembayaran zakat oleh koperasi. **ANGKASA** juga telah menerima beberapa anugerah seperti Agen Zakat Kutipan Tertinggi oleh Pusat Zakat Melaka pada tahun 2011, Anugerah Komitmen Terbaik 2011, Anugerah Prestasi Kutipan Terbaik 2012, Anugerah Komitmen Terbaik 2014 dari Lembaga Zakat Selangor, Anugerah Zakat Kebangsaan (Syarikat Awam Berhad) pada tahun 2017, Anugerah Ejen Korporat Terbaik Kategori Prestasi Kutipan Tertinggi 2023 dari Majlis Agama Islam Negeri Sembilan dan Anugerah Ejen Terbaik 2023 dari Pusat Pungutan Zakat MAWIP.
56. Isu percukaian koperasi juga diberi perhatian oleh **ANGKASA**. **Kerjasama dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN)** dibuat dalam usaha meningkatkan kesedaran serta pendaftaran cukai koperasi di Malaysia. Ianya merupakan komitmen **ANGKASA** dan **LHDN** mempromosi pematuhan cukai dalam kalangan koperasi di seluruh negara serta

memastikan koperasi memahami dan mematuhi peraturan cukai sebagai penyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

57. Kerjasama bersama kerajaan negeri turut diberi perhatian. **Jawatankuasa ANGKASA di peringkat negeri seperti yang telah saya sebutkan masing-masing mempunyai projek dan kolaborasi bersama kerajaan negeri dan agensinya** adalah antara strategi memastikan projek tersebut berjaya dijalankan. Kerjasama ini turut membuka peluang untuk koperasi di setiap negeri untuk terlibat dalam program pembangunan ekonomi yang lebih besar dan berskala. Melalui inisiatif bersama, koperasi dapat memainkan peranan yang lebih signifikan dalam pembangunan sosiekonomi negeri.

58. Ini termasuk Projek Tanjung Waterfront Pulau Pinang yang bakal melibatkan koperasi di negeri tersebut bagi meneroka dan melibatkan diri dalam sektor pelancongan. Kerajaan negeri juga turut menyatakan harapan agar ANGKASA dapat membantu lebih banyak Koperasi Kariah Masjid di negeri ini dan saranan tersebut juga disebut oleh MB Perlis sewaktu Kunjungan Hormat yang dibuat

baru – baru ini. Ini bermaksud kita mempunyai keyakinan dan kepercayaan di peringkat tertinggi bagi melaksanakan inisiatif pembangunan gerakan koperasi yang akan memberi manfaat penuh kepada sosiekonomi negara.

59. Kepercayaan berterusan turut diberi oleh Jabatan Akauntan Negara apabila ANGKASA masih dapat meneruskan Sistem Potongan Gaji ANGKASA (SPGA) tatkala banyak insitutusi kredit dihentikan perkhidmatannya. Ini adalah bukti kukuh terhadap ketelusan, kecekapan, dan kebolehpercayaan sistem yang kita jalankan. Dengan nilai cas perkhidmatan serendah 0.6% dikenakan, SPGA bukan sahaja memudahkan urusan pembayaran balik pinjaman dan sumbangan ahli koperasi, tetapi juga menjamin pengurusan kewangan yang lebih teratur dan berkesan bagi semua yang terlibat.

Para Perwakilan yang saya hormati sekalian

Pencapaian dan Program Antarabangsa

60. Keterlihatan dan keterlibatan gerakan koperasi di peringkat global juga diberi

penekanan serius oleh ANGKASA. Alhamdulillah semenjak menjadi ahli International Co-operative Alliance (ICA) semenjak 1972, pelbagai kesepakatan telah dicapai seperti pembentukan kerjasama strategik, perkongisan kepakaran dan beberapa program antarabangsa turut diadakan di sini melihatkan kepada pencapaian memberangsangkan gerakan koperasi di negara ini.

61. Atas sokongan dan kepercayaan anda semua juga, semua Anggota Lembaga ANGKASA yang Tuan – Tuan dan Puan – Puan pilih menduduki jawatankuasa di peringkat antarabangsa.
62. Pemilihan ANGKASA sebagai penganjur menjadi tuan rumah Perhimpunan Agung dan Persidangan Dunia ICA 2017 merupakan kebanggaan utama bagi ANGKASA, gerakan koperasi dan negara. Rentetan itu pelbagai program berskala antarabangsa telah diadakan di Malaysia melihatkan kepada kejayaan penganjuran tersebut.
63. ANGKASA diberi mandat menjadi tuan rumah untuk forum antarabangsa, Global Youth

Forum: Co-operative Entrepreneurship 2020 (GYF20) anjuran Ikatan Koperasi Antarabangsa (ICA) di Kuching, Sarawak pada 3 Februari 2020 yang dihadiri oleh 250 belia dari 109 buah negara.

64. Pada tahun 2023 pula , Malaysia menerusi ANGKASA telah dipilih untuk menjadi hos program Asia Pacific Cooperative Youth Summit (APCYS) 4.0 yang berlangsung dari 27 hingga 30 Julai 2023 di Kota Kinabalu, Sabah buat julung kalinya melibatkan 189 peserta belia dari 19 negara rantau Asia Pasifik.
65. Bagi menggalakkan pertukaran teknologi, perdagangan koperasi dan koperasi, promosi produk koperasi di luar negara ANGKASA menumpukan kepada empat produk yakni produk Halal, Kewangan Islam, Model Koperasi Sekolah dan Model Koperasi Kariah Masjid.
66. Promosi penubuhan Koperasi Kariah Masjid juga giat dijalankan di Filipina dan Kemboja. Usaha – usaha ini bakal membuka peluang luas dagangan bilateral antara negara. Jadi saya menyeru supaya Koperasi Kariah Masjid di negara dapat bersedia dengan produk masing – masing kerana apabila lebih banyak

KKM ditubuhkan di luar negara, ANGKASA akan lebih agresif dalam usahanya mempromosikan produk KKM mengikut segmen pasaran yang sesuai.

67. Dengan jumlah populasi kira – kira 240 umat Islam di Rantau ASEAN, ANGKASA melihat ini adalah peluang besar bagi koperasi untuk membawa produk Halal ke dalam pasaran tersebut. Pada tahun yang lalu ANGKASA dan National Commission on Muslim Filipinos telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bagi melihat kerjasama meningkatkan ekonomi umat Islam di Negara tersebut melalui platform koperasi.
68. Untuk makluman juga setakat ini ANGKASA juga telah membantu untuk membangunkan 2 buah koperasi sekolah di Kemboja pada tahun lepas dan 2 buah di Timor Leste pada tahun 2017. Penubuhan koperasi sekolah di luar negara ini bertujuan untuk memperkukuh hubungan serantau dan menyebarkan manfaat model koperasi sebagai alat pembangunan ekonomi dan sosial.
69. ANGKASA juga sering menerima kunjungan daripada badan apeks, pemimpin dan warga koperasi dari luar negara dalam menyatakan hasrat untuk melihat dan

mempelajari amalan terbaik serta kejayaan yang dicapai oleh gerakan koperasi di Malaysia. kunjungan ini membuktikan bahawa ANGKASA diiktiraf di peringkat antarabangsa sebagai sebuah organisasi yang berjaya dalam mengurus dan memperkasakan koperasi.

70. **Sebanyak 6 kunjungan telah diterima pasca Covid pada 2022 dan jumlah tersebut meningkat kepada 11 kunjungan pada 2023.** Kunjungan ini juga membuka peluang untuk pelbagai bentuk kerjasama strategik, termasuk program latihan bersama, serta membentuk dan menjalankan projek perniagaan bersama yang menguntungkan semua pihak termasuk gerakan koperasi di Malaysia.

Para Perwakilan yang saya hormati sekalian

Kongres Koperasi Kebangsaan

71. ANGKASA melihat perlunya Kongres Koperasi Kebangsaan Ketiga diadakan bagi menilai serta mengangkat isu serta cabaran yang

mendepani gerakan koperasi. Jarak masa 55 tahun dari Kongres Pertama semestinya membawa banyak perubahan signifikan dalam ekonomi global dan domestik yang menuntut kita untuk sentiasa bersedia dan responsif terhadap perkembangan tersebut.

72. Insyallah Kongres ini akan dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Anwar Ibrahim dan akan dibuat pada Julai 2024 iaitu dalam jangkamasa tidak sampai satu bulan Sahaja lagi.
73. Kongres ini wadah untuk sama – sama kita canaikan halatuju melalui resolusi kongres yang boleh diangkat kepada pihak kerajaan khususnya Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dalam merangka pengisian Dasar Koperasi Negara selaras dengan halatuju kerajaan dalam membangunkan negara yang mampan melalui koperasi.
74. Pada akhirnya kita mahukan gerakan koperasi negara ini memberi sumbangan yang menyeluruh, baik dari kekukuhan ekonomi anggota, membangunkan modal insan dari sudut keusahwanan dan kepimpinan koperasi, menyediakan peluang

kerja dan memenuhi keperluan hidup anggotanya.

Para Perwakilan yang saya hormati sekalian

Penutup

75. Seperti tahun-tahun sebelumnya MAPA pada kali ini menyaksikan dua (2) jawatan dikosongkan yakni satu per tiga seperti yang digariskan dalam UUK. Semoga pengundian berjalan dengan lancar dan mereka yang dipilih oleh para perwakilan mampu untuk menggalas tanggungjawab bagi menjayakan agenda pemerkasaan berterusan gerakan koperasi negara.
76. Marilah kita juga berdoa kepada Allah S.W.T supaya memberkati segala usaha yang bakal kita laksanakan untuk memacu pertumbuhan gerakan koperasi dalam menyumbang kepada pembentukan negara Malaysia yang progresif dan mampan.
77. Sehingga sini sahaja ucapan saya pada hari ini. Saya memohon ampun dan maaf sekiranya ucapan saya ada menyinggung mana – mana pihak.

DOA AKHIR UCAPAN

Bismillahirrahmanirrahim

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim, Engkau limpahkanlah keberkatan dan rahmat-Mu ke atas pertemuan kami ini. Jadikanlah setiap usaha dan perbincangan kami sebagai satu jalan untuk kami mendekatkan diri kepada-Mu dan memperoleh keredhaan-Mu.

Permudahkanlah segala urusan kami dan berikanlah kami kekuatan serta kebijaksanaan untuk melaksanakan tanggungjawab kami dengan penuh dedikasi dan keikhlasan.

Ya Allah, peliharalah kami daripada segala kesalahan dan kealpaan. Berikanlah kami petunjuk-Mu agar kami sentiasa berada di jalan yang lurus, dan hindarilah kami daripada melakukan perkara-perkara yang tidak diredhai oleh-Mu. Kurniakanlah kami kekuatan untuk menghadapi setiap cabaran dan dugaan dengan hati yang tabah dan jiwa yang tenang.

Ya Allah, Engkau Maha Mengetahui segala yang ada di hati kami. Berikanlah kami

kesabaran dan keazaman untuk terus berusaha memperbaiki diri dan menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat dan negara. Limpahkanlah kami dengan keberkatan rezeki dan permudahkanlah jalan kami dalam mencari ilmu yang bermanfaat serta rezeki yang halal.

Ya Allah, Engkau yang Maha Pengampun, ampunilah dosa-dosa kami, dosa kedua ibu bapa kami, guru-guru kami, dan seluruh umat Islam, sama ada yang masih hidup atau yang telah kembali ke rahmat-Mu. Engkau jadikanlah kami sebagai hamba-hamba-Mu yang bersyukur, beriman, dan bertakwa, serta kurniakanlah kami kesudahan yang baik.

Ya Allah, terimalah segala amalan kami, permudahkanlah segala urusan kami, dan kabulkanlah segala doa dan permohonan kami. Sesungguhnya Engkau Maha Mendengar, Maha Mengetahui, dan Maha Pengasih.

Amin Ya Rabbal Alamin.

78. Marilah kita bersama – sama mendengar sedikit amanat dan ucapan perasmian daripada Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, YB Datuk Ewon Bendick. Saya

sudahi ucapan saya dengan **Wabillahitaufik**
Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh